

Tarikh dibaca: 04 Mei 2018M / 18 Syaaban 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“TANGGUNGJAWAB MEMILIH
PEMIMPIN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“TANGGUNGJAWAB MEMILIH PEMIMPIN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكِ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ
تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ
بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ^١
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya serta menjaga amanah yang telah

¹ Ali-Imran : 26



dipikulkan ke atas kita yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Sesungguhnya menjaga dan melaksanakan amanah dengan betul adalah sebahagian dari tuntutan utama dalam memperkukuhkan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Gendang sudah dipalu, sepanduk telah mula dijulang. Tanggal 9 Mei ini diwajibkan kepada kita untuk keluar mengundi memilih pemimpin yang akan menentukan masa depan negara kita untuk tempoh lima tahun mendatang. Justeru, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk **"TANGGUNGJAWAB MEMILIH PEMIMPIN"**.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Mengapa kita diwajibkan memilih pemimpin?

Pertama: Memilih pemimpin adalah satu tuntutan dalam agama. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا كَانَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ

"Apabila tiga orang berada dalam keadaan musafir, hendaklah mereka melantik salah seorang menjadi ketua."

(Riwayat Abu Daud).

Hadis ini menjelaskan bahawa pentingnya melantik pemimpin, walaupun dalam jumlah yang hanya tiga orang. Ini bagi memastikan wujud keselarasan tindakan dalam kehidupan kaum Muslimin. Apatah lagi dalam negara yang mengandungi 30 juta penduduk. Tentulah ia lebih penting lagi untuk dilaksanakan.



Pemilihan pemimpin merupakan satu bentuk penyaksian yang perlu dipenuhi dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah di hari akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282:

وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا^ج

"...dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi..."

Berdasarkan hadis dan ayat tersebut menjelaskan bahawa memilih pemimpin adalah satu tanggungjawab, apatah lagi apabila ramai yang menawarkan diri untuk menjadi pemimpin. Oleh itu kita bertanggungjawab untuk memilih pemimpin terbaik yang akan membawa kebaikan kepada agama, masyarakat, Negara dan umat Islam seluruhnya.

Kedua: Kita diwajibkan memilih pemimpin adalah kerana untuk mencari pemimpin yang terbaik. Al-Quran mengajar kita beberapa ciri pemimpin terbaik yang mampu mendirikan agama dan mentadbir dunia dengan agama. Antara ciri-ciri pemimpin terbaik adalah orang yang berilmu pengetahuan yang luas, berkemampuan tubuh badan dan fizikalnya serta berintegriti yang tinggi. Sifat-sifat ini dapat dilihat pada peribadi Nabi Musa AS, Nabi Yusuf AS dan panglima Talut ketika mereka mula diberikan tanggungjawab. Firman Allah SWT tentang nabi Musa AS dalam surah al-Qasas ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ^ص إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

"Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia (Musa) menjadi orang upahan (mengembala kambing kita),



Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah."

Firman-Nya lagi tentang pemilihan Talut sebagai pemimpin yang berupaya dan berilmu dalam surah al-Baqarah ayat 247:

قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ
وَالْجِسْمِ

"Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan."

Manakala tentang kepemimpinan Nabi Yusuf AS pula, Allah berfirman dalam surah Yusuf ayat 55:

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ ^ص إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ

"Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya."

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Sungguh pun Negara kita memberi kebebasan dalam memilih pemimpin, namun kita diwajibkan memilih bakal pemimpin yang berilmu, berintegriti dan mampu membawa kesejahteraan kepada agama, bangsa dan Negara. Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:



مَنْ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنْ عِصَابَةٍ وَفِي تِلْكَ
الْعِصَابَةِ مَنْ هُوَ أَرْضَى لِلَّهِ مِنْهُ، فَقَدْ خَانَ اللَّهَ
وَخَانَ رَسُولَهُ وَخَانَ الْمُؤْمِنِينَ

"Sesiapa yang melantik seseorang dari satu golongan, sedangkan dalam golongan itu ada calon yang lebih disukai Allah darinya, maka dia telah mengkhianati Allah, rasul-Nya dan semua orang yang beriman."

(Riwayat al-Hakim).

Hadis ini selaras dengan larangan keras Allah SWT supaya orang-orang yang beriman jangan sekali-kali mengkhianati Allah dan Rasul-Nya melalui firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا
أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui (salahnya)."

Hadirin yang berbahagia,

Islam amat menekankan soal akhlak walaupun terhadap musuh dalam peperangan. Apatah lagi terhadap persaingan dalam pemilihan secara demokrasi. Sistem demokrasi itu sendiri diwujudkan supaya manusia bersaing mendapatkan kuasa secara aman, tanpa beradu tenaga dan senjata. Apa yang disediakan adalah ruang berhujah dan menunjukkan manifesto masing-masing.



Justeru, kita hendaklah menjaga adab-adab kesopanan dalam berkempen. Jangan kerana sokongan kepada seseorang itu atau kumpulannya menjadikan kita bermusuhan dan tidak bertegur sapa antara satu sama lain.

Jangan pula kita menipu atau memfitnah, membuat provokasi, kata-kata kesat, menyinggung peribadi seseorang dan sebagainya dalam berkempen. Strategi begini sangat bertentangan dengan sifat utama pemimpin iaitu sifat jujur. Walaupun perkara ini dipandang remeh, namun ia adalah berat dosanya disisi Allah. Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 15:

إِذْ تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُمْ مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ
عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّنًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ

"Semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia pada sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya."

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri bicara khutbah kali ini, dapatlah kita rumuskan beberapa pengajaran untuk penghayatan kita sebagai umat Islam, antaranya:

1. Umat Islam hendaklah beriman dan yakin bahawa pada hari akhirat kelak Allah SWT akan mempersoalkan semua amalan dan tindakan kita, termasuklah tanggungjawab memilih pemimpin.



2. Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga akhlak sebagai seorang Muslim sepanjang berlangsungnya kempen pilihanraya.

3. Umat Islam hendaklah memilih pemimpin yang berintegriti, berilmu dan berkemampuan memikul tanggungjawab yang mampu membawa kesejahteraan kepada Negara supaya selamat dari berbagai kerosakan dan bala bencana dalam kehidupan ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

(al-Rum : 41).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

ZakiNurul
30.04.2018.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو
أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُومَرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُؤَظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bujukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
